

Sidang UMNO Johor dijangka tenang

JOHOR BAHRU. Jumaat — Mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Johor Bahru dan Tenggara yang dijangka hebat sebelum pilihanraya lalu akan tenang bila diadakan tidak lama lagi.

Ini kerana beberapa tokoh yang dicalonkan dijangka akan menarik diri kerana mereka tidak terpilih sebagai calon dalam pilihanraya lalu.

Jika mesyuarat perwakilan kedua bahagian ini diadakan sebelum pi-

lihanraya, tokoh-tokoh yang dicalonkan merebut jawatan ketua bahagian pasti akan bertanding menjadikan mesyuarat tersebut rancak dan hebat.

Tiga nama dicalonkan bagi ketua bahagian Johor Bahru: Pemangku ketua, Datuk Hajah Hasnah Ahmad, ketua Pemuda, Datuk Shahrir Abdul Samad dan naib ketua bahagian, Datuk Jaafar Hamzah.

Datuk Hajah Hasnah dan Datuk Jaafar yang digugurkan dalam pilihanraya lalu mungkin

tidak lagi tertarik merebut jawatan tersebut.

Jawatan ketua bahagian UMNO Johor Bahru kosong berikutan perletakan jawatan bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

Merebut

Datuk Hajah Hasnah dan Datuk Jaafar Hamzah ketika dihubungi baru-baru ini menyatakan keberatan untuk bertanding.

Oleh itu Datuk Shahrir kemungkinan me-

menangi jawatan ketua bahagian tanpa bertanding.

Kedadaan yang sama juga berlaku di bahagian Tenggara. Sebelum pilihanraya, dua calon ketua bahagian tersebut berkata mereka akan "bermati-matian" merebut jawatan itu.

Mereka ialah, ketua bahagian, Tan Sri Kadir Yusof dan timbalannya, Datuk Abdul Rahman Sabri.

Kini hanya Tan Sri Kadir mengesahkan hasratnya untuk mengekalkan jawatannya, manakala Datuk Abdul Rahman Sabri dijangka menarik diri.

Datuk Abdul Rahman berkata: "Saya mungkin membuat keputusan bertanding setelah menemui ketua-ketua cawangan UMNO bahagian Tenggara yang mencalonkan saya."

Sementara itu, keadaan di Segamat berlainan, ketua bahagian itu, Datuk Talib Ali mungkin akan menarik diri dari mengekalkan jawatannya kerana beliau bukan lagi wakil rakyat. Nama beliau digugurkan dalam pilihanraya lalu.

Ketika dihubungi beliau berkata, "sebelum pilihanraya, saya berhasrat menerima pencalonan itu tetapi sekarang belum tahu lagi, keadaan telah berubah."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia